



SIARAN MEDIA

KPKT RAIKAN KESATUAN DALAM KEPELBAGAIAN DI MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2023

PUTRAJAYA, 3 Februari 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik hasrat Kerajaan Perpaduan dalam membangun negara MADANI dengan meraikan kepelbagaian masyarakat di Malaysia melalui penganjuran Majlis Jalinan Muhibbah KPKT sempena Tahun Baharu Cina 2023 pada petang ini.

Berkonsepkan ‘Muhibbah’, majlis ini dianjurkan secara bersama dengan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sebagai rakan strategik dan turut melibatkan kerjasama daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Hampir 2500 orang warga KPKT, jabatan dan agensi, pengamal media serta rakan kolaborasi strategik KPKT telah diraikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri KPKT dalam majlis yang turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan YAB Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri; Menteri-Menteri Kabinet; YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT; YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi di bawah KPKT.

YB Tuan Nga Kor Ming (KM) berkata, “Majlis Jalinan Muhibbah ini diadakan bertujuan untuk memupuk dan menyemarakkan semangat kekitaan serta kerjasama berpasukan di antara warga Kementerian dalam melaksanakan tugas seiring penetapan tujuh (7) fokus utama KPKT yang perlu dicapai secara bersama. Ia meliputi pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan, perancangan perumahan yang lebih komprehensif, pemerksaan komuniti berbilang kaum, pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efisien, memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar serta pemerksaan perkhidmatan kebombaan.”

Tambah beliau, “Semangat muhibbah dalam kalangan warga kerja KPKT khususnya dapat mewujudkan kerjasama erat dan positif seterusnya menyumbang kepada persekitaran kerja yang harmoni, ceria dan kondusif. Ini berupaya menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara dalam membina ekonomi, perpaduan, keharmonian dan kestabilan politik negara seiring dengan slogan (*tagline*) Kementerian iaitu *#StrongerTogether*, *#UnityInDiversity* dan *#DemiPertiwi*.”

Dalam majlis tersebut, pelbagai menu variasi rakyat Malaysia telah disediakan. Orang ramai turut disajikan dengan menu ‘kuetiau istimewa’ daripada ‘*fire kitchen*’ yang dikendalikan sepenuhnya oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). ‘*Fire kitchen*’ ini berfungsi sebagai dapur medan semasa bencana atau operasi yang berpanjangan untuk kebajikan para anggota bomba.

Selain itu, pelbagai jenis produk bakeri yang telah diusahakan melalui Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) juga disajikan oleh empat orang peserta PEKB di bawah seliaan Chef Liza. Program PEKB di bawah KPKT telah dibangunkan khusus kepada golongan B40 di kawasan bandar bertujuan untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi dan tidak lagi tergolong dalam kategori miskin bandar. Majlis turut diserikan dengan persembahan kanak-kanak daripada Taska Permata Narizan KPKT dan para anggota JBPM.

KPKT akan terus komited menyokong segala usaha kerajaan untuk membangunkan tanah air yang lebih mampan dan makmur. Sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya perlu sentiasa dipupuk bagi menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang demi kesejahteraan negara dan rakyat.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

